2.	<p>Hari Genetik 2019</p> <p>Program Hari Genetik 2019 telah diadakan pada 14 November 2019 dan bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya. Program ini dianjurkan bersama oleh PGM, EduVariome MyVHP dan pihak SMK Sultan Abdul Samad. Program bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta pengetahuan dan minat dalam bidang genetik di kalangan para remaja. Aktiviti ini telah menerima sambutan yang baik di mana hampir 100 orang pelajar, yang terdiri terutamanya daripada pelajar Tingkatan 2 dan 3 telah hadir.</p> <p>Ucapan Aluan disampaikan oleh Pengetua SMK Sultan Abdul Samad, Puan Zarina bt Awang diikuti oleh Prof. Dr Abdul Rahman Milan, Presiden PGM. Yang DiPertua PIBG juga turut hadir.</p>	14 Nov 2019	Prof. Dr Zarina Abdul Latiff

	<p>Ceramah yang telah dibentangkan adalah seperti berikut:</p> <p>a) Merungkaikan Kepentingan Genetik – Apa dan Mengapa? Pembentang: Prof. Dr Zilfalil Alwi.</p> <p>b) Mengenali Penyakit Talasemia dan Kepentingan Menjalani Saringan. Pembentang: Prof. Dr Zarina Abdul Latiff</p> <p>c) Karier dalam Bidang Genetik – Adakah anda berminat? Prof Madya Dr Norshariza Nordin dan Puan Sharifah Azween Syed Omar.</p> <p>Sesi kuiz interaktif oleh Puan Sharifah Azween yang turut dibantu oleh pelajar-pelajar sarjana kaunseling genetik UKM, telah mendapat sambutan yang hangat daripada golongan pelajar. Susulan daripada aktiviti Hari Genetik 2019 ini, pihak sekolah telah melahirkan hasrat untuk menjemput pihak PGM untuk mengendalikan aktiviti yang serupa pada tahun 2020.</p>		
3.	<p>MiGC13</p> <p>The 13th Malaysia International Genetic Congress (MiGC13) dianjurkan oleh PGM dan telah diadakan pada 19-21 November 2019 di Bangi Resort Hotel, Selangor. Tema Kongres adalah 'Exploring Innovation in Genetics'. Kongres ini bertujuan untuk mengumpulkan para penyelidik dan juga pihak industri untuk meneroka inovasi baru dalam mengintegrasikan hasil R&D dari pelbagai sub bidang genetik dan menterjemahkannya ke dalam aplikasi praktikal. Buat pertama kalinya dalam sejarah Kongres, tiga trek baru, iaitu <i>Medicine & Health Sciences</i>, <i>Food & Agriculture</i>, dan <i>Forestry, Conservation & Biodiversity</i> telah diperkenalkan menggantikan empat trek yang biasa digunakan di dalam Kongres sebelum ini iaitu <i>Human Genetics</i>, <i>Animal Genetics</i>, <i>Plant Genetics</i>, dan <i>Microbial Genetics</i>. Kongres ini telah dirasmikan oleh Pn. Nordina binti Idris, Setiausaha Bahagian Teknologi Strategik dan Aplikasi S&T, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Beliau juga telah melancarkan rangkaian media sosial PGM seperti Facebook, Twitter, Instagram, dan saluran Youtube. Pn. Nordina binti Idris telah menyampaikan Anugerah Zakri kepada Profesor Dato' Dr. Mahani Mansor Clyde.</p> <p>Kuliah Mendel yang bertajuk <i>Genetic Innovations to Reverse Ageing: Dream or Reality?</i> Telah disampaikan oleh Profesor Emeritus. Dato 'Dr. Wan Zurina Wan Ngah dari Universiti Kebangsaan Malaysia.</p> <p>Kongres ini telah dihadiri oleh 244 penyelidik tempatan dan antarabangsa dari Indonesia, Jepun, Thailand, Nigeria, Kenya, United Kingdom, Kanada, dan China. Sebanyak 48 kertaskerja dan 74 poster telah dibentangkan iaitu 31 pembentangan dari trek <i>Medicine & Health Sciences</i>, 62 pembentangan dari trek <i>Food & Agriculture</i>, dan 29 pembentangan adalah dari trek <i>Forestry, Conservation & Biodiversity</i>. Pada hari terakhir Kongres, lawatan pasca persidangan ke Agensi Nuklear Malaysia (ANM) dan Genom Malaysia (MGI) telah diadakan.</p>	19-21 Nov 2019	Prof Madya Dr Chan Soon Choy & Dr Norwati Muhammad
4.	<p>Lawatan Ilmiah ke Agensi Nuklear Malaysia, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC)</p> <p>Lawatan ini disertai oleh 27 orang peserta dan bertujuan untuk memberi pendedahan serta kefahaman yang lebih mendalam tentang teknologi mutasi aruhan. Rumah Hijau Gamma yang merupakan satu-satunya fasiliti radiasi kronik di Malaysia, digunakan untuk mengaruh mutasi pada tanaman dan sampel biologi lain. Sesi pertama lawatan dimulakan dengan sesi taklimat dan perkongsian oleh Encik Ayub bin Mohamad, Juruteknik Rumah Hijau Gamma. Peserta berpeluang memasuki fasiliti radiasi dan melihat tanaman yang telah diaruh dengan radiasi. Tumbuhan bermutasi secara berbeza setelah terdedah kepada sumber radiasi bergantung pada</p>	22 Nov 2019	Dr Nor'Aishah Hasan

	<p>jarak radiasi yang dikenakan. Lawatan ini diakhiri dengan diharap sesi ramahmesra dengan penyelidik dan pegawai di Jabatan Agroteknologi dan Bioproses (BAB). Diharapkan lawatan pendidikan ini dapat memberi manfaat kepada ahli PGM dalam membuka peluang kerjasama R&D mutasi aruhan.</p>		
5.	<p>Lawatan Ilmiah ke Genom Malaysia (MGI), Kajang.</p> <p>Institut Genom Malaysia (GENOME MALAYSIA) adalah organisasi penyelidikan sumber biologi tropik khususnya berkaitan penjujukan genom, genomik perbandingan dan biologi struktur. Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi peluang kepada peserta lawatan untuk mempelajari instrumen dan teknologi terkini yang digunakan dalam bidang bioteknologi. Taklimat pengenalan disampaikan oleh Dr Low Kheng Oon (Penyelidik bidang Biologi Sel dan Sintetik).</p> <p>Peserta lawatan juga diberi peluang melihat operasi dan analisis data dan instrumen canggih seperti <i>Protein Expression And Purification unit (FPLC)</i>, instrumen analisis DNA dan RNA seperti <i>IlluminaMiSeq® System, high-throughput NGS sequencing (Illumina HiSeq 2000), X-ray diffraction technology, Proteomic unit for structural protein analysis (LC MS/MS, GC MS/MS)</i> dan <i>NMR facilities (Bruker Ascend 700 MHz NMR)</i>.</p> <p>Secara keseluruhannya, peserta dan ahli PGM yang mengambil bahagian dalam lawatan lapangan ini berpuashati dengan pendedahan yang mereka perolehi.</p>	22 Nov 2019	Dr Nor'Aishah Hasan
6.	<p>PGM-Public Lecture</p> <p>Syarahan Umum PGM 2019 telah dianjurkan bersama Jabatan Farmakologi, Fakulti Farmasi, UiTM pada 22hb November 2019 di Dewan Kuliah 9, Fakulti Farmasi, UiTM Kampus Puncak Alam. Program ini telah dipengerusikan oleh Dr. Nurfarhana Ferdaos dari UiTM Kampus Puncak Alam manakala penasihat adalah dari ahli Majlis PGM iaitu Prof. Madya Dr. Norshariza Nordin (UPM) selaku Naib Presiden PGM dan Prof. Madya Dr. Shamsiah Abdullah (UiTM Kampus Jasin) selaku EXCO PGM. Syarahan Umum PGM kali ini telah disampaikan oleh Dr. John Mason (Reader) dari <i>Centre for Discovery Brain Sciences, University of Edinburgh</i> yang memberi syarahan bertajuk <i>Building Brains: Cerebral Organoids as Tools to Understand Neurodevelopmental Disorders</i>. Seramai 64 orang telah mendaftar secara di atas talian dan 58 peserta telah menghadiri syarahan ini. Mereka terdiri dari 45 staf dari UiTM, 10 pelajar UiTM, satu dari UPM, satu dari Monash University dan satu dari orang awam. Acara ini juga telah dimuatnaik ke MukaBuku secara <i>live</i> dan telah diikuti oleh seramai 714 penonton. Acara ini bermula pada 10.10am dengan ucapan aluan oleh Pengerusi iaitu Dr Nurfarhana Ferdaos dan diikuti oleh syarahan oleh Dr John Mason sebelum sesi soal jawab. Majlis berakhir dengan jamuan makan tengahari yang telah disumbangkan oleh PGM. Acara ini telah dilaksanakan dengan jayanya dan pihak PGM mengucapkan syabas di atas sokongan dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak terutamanya staf dan pelajar dari Jabatan Farmakologi, Fakulti Farmasi, UiTM Kampus Puncak Alam.</p>	22 Nov 2019	Prof Madya Dr Norshariza Nordin
7.	<p>Scientific Visit – (MPOB and Genome Institute Singapore)</p> <p>Lawatan ini ditangguhkan ke tarikh yang akan di umumkan kemudian ekoran daripada penularan wabak COVID19 di Singapura.</p>	11-12 Feb 2020	Dr Mohd Din Amiruddin & Prof Madya Dr Chan Soon Choy

4.2 PERANCANGAN AKTIVITI PGM 2020-2021

Aktiviti yang dirancang (Mac 2020 sehingga Feb 2021)

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Pengerusi
1.	PGM Seminar in conjunction with 25 th AGM Program ini ditangguhkan pada 13 Ogos 2020 ekoran daripada penularan pandemik COVID19.	24 Mac 2020	Dr Azzreena Mohamad Azzeme
2.	Educational Visit (FRIM) Program ini ditangguhkan pada 2021 ekoran daripada penularan pandemik COVID19.	April 2020	Dr Norwati Muhammad
3.	Medical Genetic Symposium 2020 Program ini ditangguhkan pada 2022 ekoran daripada penularan pandemik COVID19.	11-12 Aug 2020	Prof Madya Dr Norshariza Nordin
4.	IPBC2020 Program ini ditangguhkan pada Mac 2022 ekoran daripada penularan pandemik COVID19.	Oct 2020	Prof Dr Abd. Rahman
5.	Plant Breeding Award Pencalonan ini ditangguhkan.	Oct 2020	Dr Mohd Din Amiruddin
6.	PGM-Book Prize Award Surat jemputan dan informasi telah dihantar ke semua IPTA.	Oct 2020	Dr Nor'Aishah Hasan & Sharifah Azween Syed Omar
7.	Promosi STEM (MGI/PGM)	TBA	Dr Nor'Aishah Hasan & Dr Azzreena Mohamad Azzeme
8.	MiGC 14	14-16 Mac 2021	Prof Dr Zilfalil Alwi
9.	Hari Genetik	2021	Prof Dr Zarina Abdul Latiff

5. LAMAN SESAWANG PGM

Bagi meningkatkan kebolehlihatan (*visibility*) PGM di kalangan orang awam, PGM telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan beberapa saluran sosial media seperti 'Facebook' 'Instagram', 'YouTube' dan 'Twitter' bagi ahli-ahli PGM untuk mengikuti perkembangan aktiviti PGM. Media sosial PGM ini telah dirasmikan pada 19hb November 2019 sempena 13th Malaysia International Genetics Congress (MiGC13) oleh Puan Nordina binti Idris, Setiausaha Bahagian Teknologi Strategik dan Aplikasi S&T, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

6. PENERBITAN PGM

Penerbitan PGM diteruskan seperti tahun-tahun terdahulu di mana pada tahun 2019-2020 PGM berjaya menerbitkan Transaction of PGM (tPGM) volume 10. Kesemua penerbitan ini memiliki ISBN dan telah dimuatnaik ke laman sesawang PGM untuk rujukan ahli-ahli persatuan.

HAL-HAL LAIN

1.1 Penggantian perlantikan Prof Jeniffer A. Harikrishna sebagai ahli Majlis (EXCO) PGM

Perlantikan Prof Jeniffer A. Harikrishna sebagai ahli Majlis PGM semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-24 yang lalu telah didapati tidak menepati syarat perlantikan seperti yang termaktub di dalam perlembagaan persatuan (Klausu 7.2: Pemegang-pemegang jawatan Persatuan ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas pemerintah dalam Persatuan ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.). Justeru, status kerakyatan Prof Jeniffer A. Harikrishna yang merupakan Penduduk Tetap (*Permanent Resident*) di Malaysia menyebabkan perlantikan beliau sebagai Ahli Majlis tidak sah. Sehubungan dengan itu, Ahli Majlis pada Mesyuarat Ahli Majlis Bil 4/2019 telah bersetuju menggugurkan perlantikan beliau sebagai Ahli Majlis PGM. Surat pengguguran telah dikeluarkan. Oleh itu, Dr Mohd Din Amiruddin telah dilantik menjadi Ahli Majlis PGM mengikut peratusan undian semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-24.

1.2 Perlantikan Profesor Madya Dr Zarina Zainuddin sebagai wakil negeri PGM

Perlantikan ini dibuat berdasarkan Perlembagaan yang dikeluarkan atas arahan Pertubuhan Pendaftar (ROS) yang mewajibkan perlantikan Ahli Majlis mestilah terdiri dari 7 negeri berbeza. Dengan itu, ahli Majlis telah bersetuju melantik Profesor Madya Dr Zarina Zainuddin sebagai wakil negeri pada 2 Mei 2019.

1.3 Laporan tahunan PGM ke Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)

Laporan tahunan PGM telah dikemaskini sehingga 2018 di dalam sistem e-ROSES.

1.4 Pindaan perlembagaan semasa Mesyuarat Agung ke-23

Pindaan perlembagaan yang dicadangkan semasa mesyuarat Agung Tahunan ke-23 perihal Klausu 3B.a, 3B.d, 4B, 9B, 9E dan 9G yang telah dibincangkan pada Mesyuarat Agung ke-23 dan dipersetujui semasa Mesyuarat Agung ke-24 telah dimajukan kepada pihak ROS melalui sistem e-ROSES untuk kelulusan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Segala implimentasi klausu yang telah dipinda, akan berkuatkuasa selepas mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).

1.5 Cadangan menyediakan terjemahan Bahasa Inggeris dalam laporan AGM
Cadangan daripada mesyuarat Agung yang lepas sedang diambil tindakan dan dihantar kepada ROS untuk kelulusan.

Disediakan oleh



Dr. Nor'Aishah Binti Hasan
Setiausaha Kehormat, PGM
24 Julai 2020

Disahkan oleh



Prof. Dr. Abd Rahman Milan
Presiden, PGM
24 Julai 2020

LAPORAN KEWANGAN 2019 (1 JANUARI 2019 – 31 DISEMBER 2019)

- Berakhir 31 Disember 2019, Persatuan Genetik Malaysia mempunyai 2 akaun iaitu Akaun Semasa di Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kajang yang berbaki RM12,608.60 dan Akaun Simpanan Tetap di Maybank Kajang yang bernilai RM 41,340.00. PGM juga mempunyai wang tunai sebanyak RM 71.44.
- Cukai yang dikenakan ke atas PGM, bagi tahun kewangan 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak RM 150.00 dan telah dibayar ke LHDN.

**PERSATUAN GENETIK MALAYSIA
PENYATA AKAUN 2019
(1 JANUARI 2019 - 31 DISEMBER 2019)**

PENDAPATAN	2018	2019
	(RM)	(RM)
Baki ke depan dari tahun sebelumnya (Akaun Semasa)	12,197.08	11,207.40
Baki ke depan dari tahun sebelumnya (Wang Tunai)	213.54	774.24
Baki ke depan dari tahun sebelumnya (Akaun Simpanan Tetap)	40,000.00	40,000.00
Faedah Akaun Simpanan Tetap	3,891.00	1,340.00
Pencairan Akaun Simpanan Tetap	10,000.00	
Yuran Keahlian	3,056.50	5,266.50
Jualan Cenderahati PGM	171.00	1,184.00
Jualan Transaction of PGM (TPGM)	358.00	
Keuntungan 12th MiGC	5,000.00	
Pemulangan <i>seed Money</i> IPBC2018		10,000.00
Pemulangan pendahuluan cetakan brosur IPBC2018		580.00
Jumlah	74,887.12	70,352.14
PERBELANJAAN		
Cukai Pendapatan	237.60	150.00
Pembaharuan domain laman web PGM	165.00	165.00
Laman web PGM (baru)	2,000.00	
Penyelenggaraan laman web PGM	200.00	900.00
Mesyuarat ahli majlis PGM	2,001.20	725.00
Bayaran balik tambang untuk exco PGM menghadiri mesyuarat	1,500.00	900.00
PGM Seminar 2018	3,128.70	


PGM Seminar 2019		3,783.90
PGM Public Lecture 2018 (14 Disember 2018)	400.00	48.00
PGM Public Lecture 2019 (22 November 2019)		540.00
Hari Genetik 2019		524.00
Perbelanjaan Perasmian IPBC2018	752.20	
Perbelanjaan Perasmian MiGC13 (montaj, plak, sijil)		1,694.65
<i>Seed Money</i> IPBC2018	10,000.00	
Pendahuluan cetakan brosur IPBC2018	580.00	
Honorium Zakri Award 2019 (sewaktu 13th MiGC)		2,000.00
Book Voucher - PGM Book Prize		1,500.00
Percetakan TPGM 8, 9 & PGM <i>Membership directories</i>	1,600.00	647.05
Cenderahati PGM (buku nota)		1,995.00
Percetakan/ Fotostat		56.00
Pembelian peralatan PGM (bunting, alat tulis)	226.00	272.00
Honorarium Sekretariat PGM Direktori		400.00
Perbelanjaan tugas rasmi Bendahari Kehormat	5.00	5.00
Caj servis bank	109.78	26.50
Jumlah	22,905.48	16,332.10

BAKI		
	51,981.64	54,020.04

LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2019

ASET	2018	2019
Akaun Semasa	11,207.40	12,608.60
Wang Tunai	774.24	71.44
Akaun Simpanan Tetap	40,000.00	41,340.00
Jumlah	51,981.64	54,020.04
DANA		
Dana Terkumpul	51,981.64	54,020.04
Jumlah	51,981.64	54,020.04

Disediakan oleh,




(SHARIFAH AZWEEN BINTI SYED OMAR)
Bendahari Kehormat
Persatuan Genetik Malaysia

LAPORAN PEMERIKSA KIRA-KIRA KEHORMAT

Pada pendapat kami, penyata pendapatan dan perbelanjaan serta Lembaran Imbangan yang disatukan telah dibuat dengan betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Persatuan Genetik Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.



13/3/20
Dr. Radha Kodiappan
Pemeriksa Kira-Kira Kehormat I



12/3/2020
Dr. Ahmad Tarmidi Sallan
Pemeriksa Kira-Kira Kehormat II

PEMBENTANGAN USUL

Pengusul: Prof Dr. Jennifer A. Harikrishna

Usul: To amend constitution to allow PGM members who are non-citizens but hold Malaysian Permanent Resident status Pemastautin Tetap Malaysia and who are working as professional scientists in Malaysia, to be eligible to be council members

LAMPIRAN

A

**MINIT MESYUARAT AGUNG KE-23
PERSATUAN GENETIK MALAYSIA**

Tarikh: 28hb Mac 2018

Masa: 12.30 tengahari – 3.00 petang

Tempat: Auditorium, Bangunan TNCPI,

Universiti Putra Malaysia, Serdang

KEHADIRAN

Bil.	Nama	No. PGM	Bil.	Nama	No. PGM
1	Abd Rahman Milan	PGM0072	16	Sharifah Azween Syed Omar	PGM0560
2	Mamat Hamidi	PGM0931	17	Adila A Hamid	PGM0747
3	Mohamad Osman	PGM0002	18	Chan Soon Choy	PGM0429
4	Norwati Muhammad	PGM0019	19	Zilfalil Alwi	PGM0286
5	Atif Amin Baig	PGM0456	20	Radha Kodiappan	PGM0455
6	Norshariza Nordin	PGM0441	21	Habsah Bidin	PGM0730
7	Siti Khadijah	PGM0865	22	Airin Niza Za'ba	PGM1041
8	Che Azurahaman Che Abdullah	PGM1067	23	Lee Tze Yan	PGM0951
9	Hanis Hazeera Harith	PGM1056	24	Anis Syahirah	PGM1060
10	Nor'aishah Binti Hassan	PGM0757	25	Muhammad Syahmi	PGM1061
11	Umaiya Munusamy	PGM0529	26	Atifah Mahmood	PGM1020
12	Normarita Saba	PGM1065	27	Nor Yasmin Mohamad Fauzi	PGM0977
13	Wendy Yeo Wai Yeng	PGM0474	28	Jeffry Shah	PGM0981
14	Nur Izzati Azizan	PGM1064	29	Aslizah Mohd Aria	PGM1049
15	Aisyah Athirah	PGM1060	30	Shamsiah Abdullah	PGM0731

8. KATA-KATA ALUAN PENERUSI

Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli yang dapat hadir dan mengucapkan tahniah kepada Dr. Norshariza Nordin dan AJK di atas usaha gigih menganjurkan PGM Seminar 2018 dengan jayanya.

9. **PEMBENTANGAN MINIT MESYUARAT AGUNG KE-22 PERSATUAN GENETIK MALAYSIA**

Minit Mesyuarat Agung Ke-22 telah dibentangkan oleh Setiausaha seperti Lampiran A.

Minit Mesyuarat Agung Ke-22 telah diteliti dan disahkan oleh ahli mesyuarat iaitu:

Pencadang : Adila A Hamid (UKM)

Penyokong : Dr Mohamad Bin Osman (MIGHT)

10. **PERKARA BERBANGKIT DARI MINIT MESYUARAT AGUNG KE-22**

Tiada perkara berbangkit.

11. **LAPORAN TAHUNAN 2017/2018**

Laporan Tahunan 2017/18 telah dibentangkan oleh Setiausaha seperti dalam Lampiran B.

Laporan Tahunan 2017/2018 telah diteliti dan disahkan oleh ahli mesyuarat iaitu:

Pencadang : Dr Mohamad Osman

Penyokong : Dr Chan Soon Choy

12. **LAPORAN KEWANGAN 2017**

Laporan kewangan 2017 telah dibentangkan oleh Bendahari seperti Lampiran C.

Laporan Kewangan 2017 telah diteliti dan disahkan oleh ahli mesyuarat iaitu:

Pencadang : Dr Mohamad Osman

Penyokong : Adila A Hamid

13. HAL-HAL LAIN

Ahli telah membincangkan beberapa cadangan pindaan kepada perlembagaan persatuan.

- 6.1 Dokumen Perlembagaan Persatuan dalam Bahasa Inggeris** - ahli mesyuarat bersetuju dokumen perlembagaan persatuan diterjemahkan ke Bahasa Inggeris (Lampiran D) yang bertujuan membantu ahli persatuan memahami isi kandungan perlembagaan persatuan. Ahli juga bersetuju, jika terdapat sebarang keraguan, perkara tersebut perlu merujuk kepada dokumen Perlembagaan dalam Bahasa Melayu (Lampiran E) sebagai dokumen asal.

Pencadang : Umaiya Munusamy
Penyokong : Lee Tze Yan

- 6.2 Ahli Majlis mengusulkan untuk memansuhkan Ahli Pelajar - Menurut Klausula 3Ba**, Ahli Biasa terbuka kepada mereka yang berumur 18 tahun ke atas, menetap di Malaysia, dan mempunyai kelayakan profesional dalam bidang genetik atau bidang-bidang yang berkaitan dengannya. Namun begitu, ahli Majlis mengusulkan supaya Keahlian biasa yang terdapat pada klausula 3Ba diubah dengan **memansuhkan perkataan “menetap di Malaysia”**.

Pencadang : Dr Mamat Hamidi Kamalludin
Penyokong : Dr Habsah Bidin

- 6.3 Ahli Majlis mengusulkan untuk memansuhkan Ahli Pelajar - Menurut Klausula 3Bd**, Ahli Pelajar terbuka kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi yang memenuhi syarat 3(a) di atas. Walau bagaimanapun mereka hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dan Naib Canselor Universiti masing-masing. Keahlian ini terbatal dengan sendirinya apabila pelajar berkenaan menamatkan pengajian. Ahli Majlis mengusulkan pengubahsuaian klausula kepada **“pelajar-pelajar Sarjana Muda”**. Ahli Mesyuarat menyarankan agar justifikasi dimasukkan ke dalam teks.

Pencadang : Dr Mohamad Osman
Penyokong : Normarita Saba

- 6.4 Menurut Klausula 4B**, semua yuran hendaklah dijelaskan kepada Bendahari pada 1 hb. Januari setiap tahun. Walaupun begitu, tempoh pembayaran boleh dilanjutkan sehingga akhir bulan Januari. Untuk ahli baru, yuran keahlian hendaklah dijelaskan dalam tempoh sebulan dari tarikh perlantikan sebagai

ahli. Ahli Majlis telah mengusulkan agar semua keahlian (kecuali ahli seumur hidup) **akan luput pada 31hb Disember pada tahun semasa. Ahli perlu membayar yuran pembaharuan untuk mengaktifkan status.** Ahli bersetuju dengan usul berkenaan dan menyarankan agar perubahan ini diletakkan dalam laman sesawang PGM serta diemelkan kepada ahli.

Pencadang : Umaiya Munusamy
Penyokong : Adila A Hamid

- 6.5 Klausula 9B,** Bendahari Kehormat dibolehkan menyimpan panjar wang runcit tidak lebih daripada RM200.00 pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh Majlis. Kira-kira bank itu hendaklah di atas nama Persatuan. Ahli Majlis telah mencadangkan RM200 diganti dengan RM1,000. Keputusan mesyuarat bersetuju dengan jumlah RM500. Mana-mana perbelanjaan yang melebihi RM500 tidak boleh dibayar dengan panjar wang runcit dan perlu mendapat persetujuan ahli Majlis untuk digunakan.

Pencadang : Dr Habsah Bidin
Penyokong : Adila A Hamid

- 6.6 Klausula 9E,** Perbelanjaan yang melebihi RM300.00 pada satu masa tertentu tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kelulusan Majlis terlebih dahulu, dan perbelanjaan yang melebihi RM500.00 dalam masa satu bulan tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Agung terlebih dahulu. Perbelanjaan yang tidak melebihi RM300.00 diluluskan oleh Presiden, Bendahari Kehormat dan Setiausaha Kehormat. Namun begitu, Ahli Majlis mengusulkan untuk mengubah **perbelanjaan melebihi RM500** dalam masa satu bulan tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan ahli majlis terlebih dahulu dan usul ini dipersetujui oleh ahli.

Pencadang : Mohamad Osman
Penyokong : Nur Izzati Azizan

6.7 Kalusa 9G, perubahan kepada tahun Kewangan Persatuan ini bermula dari 1hb. Januari dan berakhir pada 30hb. Disember tiap-tiap tahun diubah kepada 31 Disember dipersetujui oleh ahli.


Pencadang : Adila A Hamid
Penyokong : Mohamad Osman

Disediakan oleh



Dr. Shamsiah Abdullah
Setiausaha Kehormat, PGM
30 Mac 2018

Disahkan oleh



Prof. Dr. Abd Rahman Milan
Presiden, PGM
30 Mac 2018

LAMPIRAN

B

LAPORAN TAHUNAN 2018/2019
PERSATUAN GENETIK MALAYSIA
(29 Mac 2018 – 19 Mac 2019)

2. KEHADIRAN MESYUARAT AHLI MAJLIS

Ahli Majlis 2017/2019 telah bermesyuarat sebanyak 8 kali sepanjang April 2018 sehingga Mac 2019. Senarai bilangan, tarikh dan tempat mesyuarat Ahli Majlis beserta kehadiran ahli-ahli Majlis ke mesyuarat adalah seperti dalam jadual 1 dan 2 di bawah:

Jadual 1: Senarai Bilangan, tarikh dan tempat Mesyuarat Ahli Majlis 2017/2019

Bilangan	Tarikh	Hari	Tempat
4/2018	20-4-2018	Jumaat	Bilik Mesyuarat, Golf UPM
5/2018	29-6-2018	Jumaat	Bilik Mesyuarat, Golf UPM
6/2018	27-7-2018	Jumaat	Bilik Mesyuarat, Golf UPM
7/2018	28-9-2018	Jumaat	Bilik Mesyuarat, Golf UPM
8/2018	26-10-2018	Jumaat	Bilik Mesyuarat, Golf UPM
1/2019	11-1-2019	Jumaat	Bilik Mesyuarat 4, FPSK UPM
2/2019	1-2-2019	Jumaat	Bilik Mesyuarat, Golf UPM
3/2019	1-3-2019	Jumaat	Bilik Mesyuarat, Golf UPM

Jadual 2: Kehadiran Ahli-ahli Mesyuarat ke Mesyuarat Ahli Majlis 2017/2019


	NAMA	JAWATAN	4/2018 (20/4)	5/2018 (29/6)	6/2018 (27/7)	7/2018 (28/9)	8/2018 (26/10)	1/2019 (11/1)	2/2019 (1/2)	3/2019 (1/3)
1.	Prof. Dr. Abd Rahman Milan	President	√	√	√	√	√	√	√	√
2.	Dr. Norshariza Nordin	Vice President	√	√	√	√	√	√	0	√
3.	Dr. Shamsiah Abdullah	Honorary Secretary	√	√	√	√	√	√	0	√
4.	Dr. Radha Kodiappan	Assistant Secretary	√	√	0	√	√	√	√	√
5.	Puan Sharifah Azween Syed Omar	Honorary Treasurer	√	√	√	√	√	√	√	0
6.	Prof. Dr. Zilfalil Alwi	Committee Member	0	0	0	√	0	0	0	√
7.	Prof. Dr. Rozita Rosli	Committee Member	√	√	0	0	0	√	√	√
8.	Prof. Dr. Thong Meow Keong	Committee Member	√	0	√	0	0	√	√	√
9.	Dr. Norwati Muhammad	Committee Member	0	√	√	√	√	√	0	√
10.	Dr. Chan Soon Choy	Committee Member	0	√	0	√	√	√	√	√
11.	Dr. Mohd Din Amiruddin	Committee Member	√	0	0	√	√	√	√	0
12.	Dr. Atif Amin Baig	Committee Member	0	0	0	0	0	0	0	0
13.	Dr. Nor'Aishah Hasan	State Representative	-	-	√	√	√	√	√	√

3. LAPORAN KEAHLIAN PGM

KEAHLIAN PGM

Sehingga 19hb Mac 2019, jumlah ahli Persatuan adalah seramai 886 orang. Bilangan ahli mengikut kategori adalah seperti yang di senaraikan dalam jadual dibawah.

Kategori keahlian	Bilangan bagi tahun 2012/2013	Bilangan bagi tahun 2013/2014	Bilangan bagi tahun 2015/2016	Bilangan bagi tahun 2016/2017	Bilangan bagi tahun 2017/2018	Bilangan bagi tahun 2018/2019
Seumur hidup	136	147	153	156	169	177
Biasa	343	191	221	236	407	468
Pelajar	256	131	154	160	206	232
Bersekutu	6	6	9	9	9	9
Jumlah	741	475	537	561	791	886



Secara purata peningkatan keahlian PGM adalah merangsangkan sejak pelancaran proses pendaftaran and pembayaran secara talian di laman web PGM (www.pgm-my.org/membership-account/membership-sign-up/) sempena '12th Malaysia International Genetic Congress 2017' pada 25 September 2017.

Seramai 53 orang ahli baru telah mendaftar and 6 ahli lama telah naik taraf pada tahun 2018/2019. Bilangan ahli mengikut kategori adalah seperti yang di senaraikan dalam jadual dibawah.

Kategori keahlian	Ahli baru	Naik taraf	Jumlah
Seumur hidup	1	3 (dari keahlian Biasa)	4
Biasa	28	6 (dari keahlian Pelajar)	34
Pelajar	24	-	24
Bersekutu	-	-	-
Jumlah	53	9	62

Senarai nama ahli baru and ahli yang telah naik taraf ke keahlian sejak April 2018 sehingga March 2019 adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah.

No.	PGM No.	Title	Name	Institute/ Address	Specialization	Category
1	PGM0246	Dr	Suzita Mohd Noor	University Malaya	Haematology, Genetics	Biasa <i>*naik taraf</i>
2	PGM0438	Dr	Pedram Kashiani	University Pendidikan Sultan Idris (Upsi)	Genetics and Plant Breeding	Biasa <i>*naik taraf</i>
3	PGM0455	Dr	Radha Kodiappan	Perdana University	Cancer Genetics and Epigenetics, Molecular Biology	Seumur Hidup <i>*naik taraf</i>
4	PGM0478	Dr	Nadine Nograles	Newcastle University Medicine Malaysia	Molecular Biology	Biasa <i>*naik taraf</i>
5	PGM0553	Dr	Ooi Der Jiun	Institute of Bioscience, Universiti Purta Malaysia	Nutrigenomics, Epigenetics	Biasa <i>*naik taraf</i>
6	PGM0560	Ms	Sharifah Azween Syed Omar	Pusat Perubatan UKM	Human Genetics, Genetic Counselling	Seumur Hidup <i>*naik taraf</i>
7	PGM0703	Dr	Jeffrine Rovie Ryan Japning	Department of Wildlife and National Parks (PERHILITAN)	Molecular Taxonomy & Systematic, Phylogenetics & Phylogeography, Molecular Evolution, Forensics & Zoonotic Diseases	Biasa <i>*naik taraf</i>
8	PGM0757	Dr	Nor'Aishah bt Hasan	UiTM, Kuala Pilah	Genetics/Plant Genetics	Seumur Hidup <i>*naik taraf</i>
9	PGM0951	Dr	Lee Tze Yan	Perdana University	Molecular Diagnostic/ Infectious Disease	Biasa <i>*naik taraf</i>
10	PGM1050	Ms	Lim Qi Luan	Universiti Putra Malaysia	Population Genetics	Pelajar
11	PGM1051	Ms	Ooi Lia	Okayama University, Japan	Plant Physiology, Genetics, Plant Response to Enviromental Pollutants	Pelajar

12	PGM1052	Mr	Muhammad Ilyas Nadeem	Universiti Sultan Zainal Abidin	Rehabitation & Molecular Genetics	Pelajar
13	PGM1053	Mr	Mohammad Ahmed Issa	Universiti Sultan Zainal Abidin	Haematology, Molecular Genetics	Pelajar
14	PGM1054	Mr	Mohammad Mahmoud Al Glilal	i-Code, Universiti Sultan Zainal Abidin	Occupational Safety and Health	Pelajar
15	PGM1055	Dr	Mohd Khairi Hussain	Universiti Putra Malaysia	Pharmacology, Natural Product	Biasa
16	PGM1056	Dr	Hanis Hazeera Harith	Universiti Putra Malaysia	Metabolic Diseases	Biasa
17	PGM1057	Dr	Shairah Abdul Razak	Universiti Kebangsaan Malaysia	Population Genetics, Population & Community Ecology	Biasa
18	PGM1058	Dr	Shalini Vellasamy	Mahsa University	Stem Cells, Immunology, Molecular Genetics	Biasa
19	PGM1059	Ms	Nur Aishah Binti Ab Rahman	Universiti Teknologi Mara, Shah Alam	Plant Biotechnology	Pelajar
20	PGM1060	Ms	Aisyah Athirah Binti Hasim	Universiti Teknologi Mara, Shah Alam	Plant Biotechnology	Pelajar
21	PGM1061	Mr	Muhammad Syahmi Bin Rayme	Universiti Teknologi Mara, Shah Alam	Plant Biotechnology	Pelajar
22	PGM1062	Ms	Anis Syahirah Binti Abd Rashid	Universiti Teknologi Mara, Shah Alam	Plant Biotechnology	Pelajar
23	PGM1063	Ms	Azreen Suhana Bt Zelnor	Universiti Teknologi Mara, Shah Alam	Plant Biotechnology	Pelajar
24	PGM1064	Ms	Nur Izzati Azizan	Universiti Teknologi Mara, Shah Alam	Plant Biotechnology	Pelajar
25	PGM1065	Ms	Normarita Binti Saba	Universiti Teknologi Mara, Shah Alam	Plant Biotechnology	Pelajar
26	PGM1066	Dr	Armania Nurdin	Universiti Putra Malaysia	Pharmaceutical Sciences	Biasa
27	PGM1067	Dr	Che Azurhanim Che Abdullah	Universiti Putra Malaysia	Biphysics, Drug & Gene Delivery, Biomaterial	Biasa
28	PGM1068	Dr	Deepa Anbazhagan	Mahsa University	Molecular Medicine	Biasa
29	PGM1069	Dr	Intan Zarina Zainol Abidin	Cyberjaya University College Of	Genetics, Cell Biology, Stem Cell	Biasa

				Medical Sciences		
30	PGM1070	Dr	Nurshahira Binti Sulaiman	Universiti Putra Malaysia	Microbial Proteomics	Biasa
31	PGM1071	Dr	Noraina Muhammad Zakuan	Universiti Putra Malaysia	Physiology, Oncology	Biasa
32	PGM1072	Dr	Fezah Othman	Universiti Putra Malaysia	Dermatopharmacology	Biasa
33	PGM1073	Assoc. Prof. Dr	Abdah Md Akim	Universiti Putra Malaysia	Gene Expression	Seumur Hidup
34	PGM1074	Dr	Lai Kok Song	Universiti Putra Malaysia	Plant Molecular Biology & Medical Biotechnology	Biasa
35	PGM1075	Dr	Farah Fazwa Md Ariff	Forest Research Institute Malaysia (FRIM)	Plant Breeding, Plant Propagation (Herbal Species)	Biasa
36	PGM1076	Dr	Syazwan Bin Saidin	Sultan Idris Education University (UPSI)	Genetics Engineering, Molecular Medicine, Proteomics	Biasa
37	PGM1077	Mr	Muhammed Itopa Jatto	Universiti Putra Malaysia	Crop Breeding And Genetics	Pelajar
38	PGM1078	Mrs.	Nur Syamimi Mohamad Napis	FGV R&D Sdn.Bhd	Plant Breeding, Molecular Biology	Biasa
39	PGM1079	Dr	Ramisah Binti Mohd Shah	Universiti Malaysia Terengganu	Plant Genetics Resources	Biasa
40	PGM1080	Dr	Sathiya Maran	Perdana University	Molecular Medicine, Human Genetics, Computational & Sistem Biology	Biasa
41	PGM1081	Dr	Chin Chee Keong	Institute Pendidikan Guru Kampus Tunku Bainun	Plant Tissue Culture, Secondary Metabolites, Somaclonal Variation	Biasa
42	PGM1082	Mrs	Sakinah Bt Ariffin	Agensi Nuclear Malaysia	Mutation Breeding	Biasa
43	PGM1083	Dr	R. Vasudevan	Institute Penyelidikan Penuaan Malaysia	Genetics	Biasa
44	PGM1084	Dr	Hasiah Ab. Hamid	Universiti Putra Malaysia	Pharmacology & Toxicology	Biasa
45	PGM1085	Dr	Jazlina Liza Bt. Dato Jamaluddin	Ministry Of Health Malaysia	Pharmaco Genomicsa, Drug Policy, Clinical Pharmacy, Drug Regulatory	Biasa
46	PGM1086	Mrs	Nur Intan Hasbullah	UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah	Biomolecular, Animal Cell Culture	Biasa
47	PGM1087	Ms	Rahiniza Bt. Kamaruzaman	Malaysian Agriculture	Genetics And Plant Breeding	Biasa

				Research And Development Institute (Mardi)		
48	PGM1088	Mrs	Heemaashini Nadarajah Jason	United Plantations Berhad	Plant Biotechnology, Molecular Biology, Plant Disease	Biasa
49	PGM1089	Dr	Fadhilnor Bin Abdullah	Mardi	Fruit Crop Physiology And Genetic Manipulation	Biasa
50	PGM1090	Mr	Eka Septhian Rachman	Universiti Putra Malaysia	Genetics And Plant Breeding	Pelajar
51	PGM1091	Ms	Nur Ain Binti Amir	Universiti Putra Malaysia	Neuromedical Genetics	Pelajar
52	PGM1092	Ms	Nor Aina Shafiqah Bt Zulkiflee	Universiti Sultan Zainal Abidin	Molecular Microbe	Pelajar
53	PGM1093	Mr	Onesimus Mahdi	UPM/Gombe State University, Nigeria	Neuroscience	Pelajar
54	PGM1094	Mr	Jaafaru Sani Mohammed	UPM/Kaduna State University Nigeria	Neuroscience	Pelajar
55	PGM1095	Mr	Ibrahim Kalle Kwaifa	Universiti Putra Malaysia	Haematology/Anaemia	Pelajar
56	PGM1096	Dr	Hira Chaudhry	Universiti Putra Malaysia	Neuropsychiatry	Pelajar
57	PGM1097	Mr	Thermesh Velusamy	Universiti Kebangsaan Malaysia	Human & Medical Genetics	Pelajar
58	PGM1098	Ms	Nur Afiqah Binti Mohamad	University Putra Malaysia	SNP Study	Pelajar
59	PGM1099	Ms	Santhiagu Thiagu	Universiti Kebangsaan Malaysia	Human & Medical Genetics	Pelajar
60	PGM1100	Mr	Sayed Abbas Ghasemi	Universiti Putra Malaysia	Human Genetics	Pelajar
61	PGM1101	Ms	Izyan Ayuni Mohamad Selamat	Universiti Malaysia Sabah	Sustainable Landscape	Biasa
62	PGM1102	Ms	Shahida Mohd Sharif	Universiti Malaysia Sabah	Sustainability, Landscape Planning	Biasa

4. KEAHLIAN GABUNGAN PERSATUAN

Persatuan Genetik Malaysia merupakan ahli Gabungan Persatuan Sains dan Teknologi di Malaysia (COSTAM). Profesor Dr. Thong Meow Keong dilantik sebagai wakil PGM. Semasa AGM terakhir COSTAM 2018, Prof. Dr Thong dipilih sebagai salah seorang ahli jawatankuasa eksekutif COSTAM.

5. LAPORAN AKTIVITI

5.1 AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN

Berikut adalah aktiviti PGM yang telah dijalankan untuk tempoh 28 Mac 2018 hingga 19 Mac 2019.

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Pengerusi
1.	<p>PGM-TESMA Seminar 2018</p> <p>Seminar PGM tahunan 2018 telah dianjurkan bersama oleh Persatuan Genetik Malaysia (PGM), Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan UPM, dan; Persatuan Kejuruteraan Tisu & Perubatan Regeneratif Malaysia (TESMA). Seminar ini telah berjaya dianjurkan pada 28 Mac 2018 di Auditorium Rashdan Baba, Bangunan TNCPI, Universiti Putra Malaysia dan dihadiri oleh 161 peserta. Tiga pembentangan telah disampaikan oleh penceramah yang terkenal seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> 4) <i>The Regenerative Advantages of Zebrafish in Research</i> oleh Dr. Suzita Binti Mohd Noor, Department of Biomedical Science, Faculty of Medicine, Universiti Malaya (UM). 5) <i>Oil Palm Genomic Resources for Engineering Plant Tocotrienol Production</i> oleh Prof. Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah, Faculty of Agriculture, Universiti Putra Malaysia (UPM). 6) <i>Human and Mice Dental Pulp Stem Cells: The Future of Bone Regeneration</i> oleh Prof. Dr. Shahrul Hisham Zainal Ariffin, Faculty of Science and Technology, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 	28 Mac 2018	Dr. Norshariza Nordin
2.	<p>Mesyuarat Agung Tahunan PGM ke-23</p> <p>Mesyuarat Agung Tahunan ke-23 PGM telah berjaya dilaksanakan pada 28 Mac 2018 di Auditorium Rashdan Baba, Bangunan TNCPI, Universiti Putra Malaysia dan dihadiri oleh 30 ahli Persatuan.</p>	28 Mac 2018	Dr. Norshariza Nordin/Prof Dr Abd Rahman Milan
3.	<p>PGM bersiaran dalam segmen Bina Negara, Astro Awani</p> <p>Naib Presiden PGM, Dr. Norshariza bt Nordin, 2 ahli Majlis, Prof Dr Thong Meow Keong, Dr Nor'Aishah Hasan dan bekas Presiden PGM Prof Mohamad bin Osman telah diberi peluang untuk menyatakan pandangan dan pemikiran mereka tentang isu-isu yang berkaitan dengan genetik dalam bidang pertanian dan kesihatan semasa sesi wawancara dengan Astro Awani yang dihoskan oleh Ibrahim Sani, Pengarah Eksekutif Astro Awani. Sesi wawancara ini adalah salah satu daripada beberapa siri di bawah segmen Bina Negara yang disiarkan di saluran Astro Awani 501.</p> <p>Temubual itu termasuk taklimat mengenai pendirian dan aktiviti PGM oleh Dr Nor'Aishah Hasan. Prof Mohamad Osman, berkongsi</p>	13 August 2018	Dr Nor'Aishah Hasan

	<p>pendapatnya mengenai aplikasi genetik dalam sektor pertanian. Prof Thong Meow Keong dan Dr Norshariza bt Nordin berkongsi pendapat mereka mengenai isu-isu genetik dalam sektor kesihatan. Video sesi wawancara telah dimuat naik dan boleh ditonton dan dimuat turun melalui pautan di bawah:</p> <p>Pautan untuk sector pertanian https://www.youtube.com/watch?v=vWqLLfXP_Hk pautan untuk sector kesihatan https://www.youtube.com/watch?v=DBBhZ4CeleM</p>		
3.	<p>International Plant Breeding Conference 2018 (IPBC2018)</p> <p>Persidangan ini telah diadakan pada 13hb-15hb November 2018 dan dianjurkan bersama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Fakulti Perladangan & Agroteknologi, Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan kerjasama Universiti-universiti tempatan dan Agensi Penyelidikan Awam dan Swasta. Melalui tema <i>Accelerating Synergies in Plant Breeding, Genetics and Biotechnology</i>, objektif utama Persidangan ini adalah untuk mewujudkan satu platform untuk penyelidik / ahli akademik / pelajar serta individu yang berminat untuk berkongsi penemuan penyelidikan terkini dalam bidang pembiakbakaan tumbuhan. Seramai 150 peserta dari kedua-dua institusi penyelidikan awam dan swasta serta universiti serta organisasi lain menghadiri persidangan tersebut. Sebanyak 25 kertas lisan dan 28 poster telah dibentangkan.</p>	13-15 November 2018	Dr Shamsiah Abdullah/ Dr Mohd Din Amiruddin
4.	<p>Penganugerahan “PGM-MARDI Plant Breeding Award”</p> <p>Anugerah ini diberikan sebagai penghargaan dan pengiktirafan PGM di atas pencapaian yang menyerlah di dalam bidang biakbaka tumbuhan. Penerima-penerima anugerah ini adalah</p> <ul style="list-style-type: none"> iv. Profesor Dr Mohamad Osman v. Puan Fadelah Abd Aziz vi. En. Chin Cheuk Weng 	13 November 2018	Dr Mohd Din Amiruddin
5	<p>MoU di antara PGM-MARDI</p> <p>Majlis menandatangani perjanjian persefahaman di antara PGM dan MARDI telah diadakan pada 13 November 2018. Prof. Dr Abd. Rahman Milan telah mewakili PGM manakala Datuk Dr. Mohamad Roff Mohd Noor pula mewakili MARDI. Objektif utama MoU ini adalah untuk menguatkan, mempromosi dan menjalankan aktiviti berkaitan genetik terutamanya dalam bidang biakbaka dan bioteknologi tumbuhan.</p>	13 November 2018	Dr. Norshariza Nordin

6.	<p>Lawatan Saitifik ke Agensi Nuklear Malaysia</p> <p>Lawatan Saintifik ke Agensi Nuklear Malaysia (ANM), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah diadakan oleh PGM dan disertai oleh 5 anggota Exco dan 25 orang ahli. Lawatan ke ANM bertujuan untuk memberi ahli PGM pemahaman yang lebih baik mengenai teknologi berkaitan mutasi. <i>Gamma Greenhouse</i> di ANM merupakan satu-satunya kemudahan penyinaran kronik di Malaysia, yang digunakan untuk induksi mutasi dalam tumbuhan dan sampel biologi lain dengan sinaran dos yang rendah dalam tempoh masa bergantung kepada sifat dan kepekaan spesies tumbuhan.</p>	15 November 2018	Dr Nor'Aishah Hasan
7.	<p><i>PGM Public Lecture Series – 2018</i></p> <p><i>PGM Public Lecture In Conjunction With Neuroscience Cluster Seminar On Neurogenetics 2018</i></p> <p><i>PGM Public Lecture</i> bersama Neurogenetics 2018 telah diadakan pada 14hb Disember 2018 di Mini Auditorium 1, Bangunan TNCPI, Universiti Putra Malaysia. Seminar ini dianjurkan bersama oleh Persatuan Genetik Malaysia (PGM), Jabatan Sains Bioperubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, FMHS Neuroscience Cluster dan Pusat Penyelidikan Perubatan Genetik & Regeneratif (ReGEN). Seramai 56 peserta menghadiri program ini.</p> <p>Dua penceramah terkenal dari Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM) berkongsi pengetahuan dan hasil penyelidikan mereka. Penceramah pertama ialah Prof. Dr. Thong Meow-Keong yang membentangkan pengalaman kliniknya dalam ceramahnya bertajuk "<i>Genetic and Genomic Testing in Neurological Conditions: Opportunities & Challenges</i>". Pembentang kedua, Dr. Azlina Ahmad Anuar berkongsi hasil penyelidikannya melalui ceramahnya mengenai "<i>Hunting for Genes involved in Parkinson's Disease in Malaysia</i>".</p>	14 December 2018	Dr. Norshariza Nordin

4.2 PERANCANGAN AKTIVITI PGM 2019-2020

Bil	Aktiviti	Cadangan Tarikh	Pengerusi
1.	Mesyuarat Agung PGM ke 24	20 Mac 2019	Prof Dr Abd Rahman Milan
2.	PGM Seminar 2019	20 Mac 2019	Dr Norshariza Nordin
3.	Lawatan Ilmiah - Oil Palm Genebank, Kluang, Johor.	2019	Dr Mohd Din Amiruddin
4.	Hari Genetik (Kolej <i>Tunku Kurshiah</i>)	2019	Prof. Dr. Rozita Rosli/ Dr Radha Kodiappan

5.	Hari Keluarga PGM	2019	Pn Sharifah Azween Syed Omar
6.	MiGC13	November 2019	Dr Chan Soon Choy/ Dr Norwati Muhammad
7.	Medical Genetic Conference	Disember 2019	Dr Norshariza Nordin
8.	IPBC2020	November 2020	-

6. LAMAN SESAWANG PGM

Ahli Majlis bersetuju untuk memansuhkan penerbitan dan segala laporan aktiviti diterbitkan dalam laman sesawang PGM yang akan dipantau bersama oleh Dr Chan dan Puan Sharifah Azween serta Dr Norwati selaku Pengarah Program dan Aktiviti. Selain daripada itu, Ahli Majlis bersetuju untuk melantik seorang moderator untuk menyelia dan menyelenggara laman sesawang persatuan.

7. PENERBITAN PGM

Penerbitan PGM diteruskan seperti tahun-tahun terdahulu dimana pada tahun 2018-2019 PGM berjaya menerbitkan Transaction of PGM (tPGM) volume 8 dan 9. Kesemua penerbitan ini memiliki ISBN dan akan dimuatnaik ke laman sesawang PGM untuk rujukan ahli-ahli persatuan.

8. HAL-HAL LAIN

8.1 Bilik PGM di IBS - Permohonan PGM untuk mendapatkan bilik operasi persatuan di bangunan IBS UPM Serdang telah diluluskan.

8.2 Mendapat persetujuan daripada ahli terhadap pindaan yang telah dibuat kepada beberapa klausa (klausa 3B.a, 3B.d, 4B, 9B, 9E dan 9G) seperti yang telah dibincangkan pada mesyuarat agung 23. Ahli diminta menyemak kandungan perlembagaan PGM yang telah dipinda mengikut persetujuan semasa mesyuarat agung ke 23. Segala implimentasi klausa yang telah dipinda, akan berkuatkuasa selepas mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan Malaysia (ROS).

9. USUL


Tiada

Disediakan oleh



Dr. Shamsiah Abdullah
Setiausaha Kehormat, PGM
15 Mac 2019

Disahkan oleh



Prof. Dr. Abd Rahman Milan
Presiden, PGM
15 Mac 2019

LAMPIRAN

C

LAPORAN KEWANGAN 2018
PERSATUAN GENETIK MALAYSIA
(1 Januari 2018 – 31 Disember 2018)

- Berakhir 31 Disember 2017, Akaun Simpanan Tetap PGM adalah bernilai RM 50,000. Walaubagaimanapun, pada 8 November 2018, pencairan Akaun Simpanan Tetap bernilai RM 50,000 telah dilakukan. Sebanyak RM 10,000 dan keuntungan faedah RM 3,891 telah di depositkan ke dalam Akaun Semasa PGM, manakala RM 40,000 di simpan kembali sebagai Akaun Simpanan Tetap.
- Berakhir 31 Disember 2018, Persatuan Genetik Malaysia mempunyai 2 akaun iaitu Akaun Semasa di Bank Muamalat Malaysia Berhad, Kajang yang berbaki RM11,207.40 dan Akaun Simpanan Tetap di Maybank Kajang yang bernilai RM 40,000. PGM juga mempunyai wang tunai sebanyak RM 774.24.
- PGM telah mula membayar cukai di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Bagi tahun kewangan 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017, cukai yang dikenakan ke atas PGM adalah sebanyak RM 237.60. PGM juga telah menghantar surat untuk mendapatkan khidmat nasihat dari pihak LHDN berkenaan pembayaran cukai bagi tahun-tahun sebelumnya.

PERSATUAN GENETIK MALAYSIA
PENYATA AKAUN 2018
(1 JANUARI 2018-31 DISEMBER 2018)

PENDAPATAN	2017 (RM)	2018 (RM)
Baki ke depan dari 2017 (Akaun Semasa & Tunai)		12,410.62
Faedah Simpanan Tetap	3,298.80	3,891.00
Pencairan Akaun Simpanan Tetap	5,220.28	10,000.00
Yuran Keahlian	4,198.50	3,056.51
Jualan Cenderahati PGM	4,811.50	171.00
Jualan Transaction of PGM (TPGM)	365.00	358.00
Keuntungan IPBC2016	9,000.00	
Keuntungan 12th MiGC	10,000.00	5,000.00
Pemulangan seed money IPBC2016	12,000.00	
Pemulangan seed money 12th MiGC	5,000.00	
Jumlah	53,894.08	34,487.12
PERBELANJAAN		
Keahlian COSTAM	200.00	
Cukai Pendapatan (1 Januari 2017- 31 Disember 2017)		237.60
Pembaharuan domain tahunan	165.00	165.00
Laman web PGM (bayaran deposit)	1,600.00	
Laman web PGM (bayaran baki)		2,000.00
Penyelenggaraan laman web PGM	866.00	200.00
Mesyuarat ahli majlis PGM	1,259.10	2,001.20
Bayaran balik tambang untuk exco PGM menghadiri mesyuarat PGM Seminar 2017	8,503.14	
PGM Seminar 2018		3,128.70
PGM Public Lecture 2018		400.00
Lawatan ke Medan	3,402.95	
Lawatan delegasi Jepun	329.00	
Perbelanjaan Perasmian IPBC2016	1,030.00	
Perbelanjaan Perasmian 12 th MiGC	1,873.00	
Perbelanjaan Perasmian IPBC2018	127.00	752.20
Seed Money 12 th MiGC	5,000.00	
Seed Money IPBC2018		10,000.00
Pendahuluan Brosur IPBC2018		580.00
Zakri Award 2017 (sewaktu 12 th MiGC)	2,002.80	
Book Voucher - PGM Book Prize	500.00	
Yuran pendaftaran exco PGM ke IPBC2016	2,600.00	
Percetakan PGM Compendium & TPGM 4-7	3,246.24	
Percetakan TPGM 8 & 9		1,600.00
Cenderahati PGM	10,960.00	
Honorarium Sekretariat Buletin Genetik	600.00	
Honorarium Sekretariat PGM Direktori	500.00	
Setiausaha Kehormat	234.14	
Bendahari Kehormat (parkir LHDN)	233.80	5.00
Pembelian Peralatan PGM (bunting, alat tulis dsb)	573.30	226.00
Caj servis bank	173.14	109.78
Jumlah	47,477.53	22,905.48

BAKI		
	6,416.55	11,981.64

LEMBARAN IMBANGAN YANG DISATUKAN PADA 31 DISEMBER 2018

ASET	2017	2018
Akaun Semasa	12,197.08	11,207.40
Wang Tunai	213.54	774.24
Akaun Simpanan Tetap	50,000.00	40,000.00
Jumlah	62,410.62	51,981.64
DANA		
Dana Terkumpul	62,410.62	51,981.64
Jumlah	62,410.62	51,981.64


Disediakan oleh,



(SHARIFAH AZWEEN BINTI SYED OMAR)
Bendahari Kehormat
Persatuan Genetik Malaysia

LAPORAN PEMERIKSA KIRA-KIRA KEHORMAT

Pada pendapat kami, penyata pendapatan dan perbelanjaan serta Lembaran Imbangan yang disatukan telah dibuat dengan betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Persatuan Genetik Malaysia bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.


 Prof. Madya Dr. Halimi Mohd Saud
Pemeriksa Kira-Kira Kehormat I


 Prof. Madya Dr. Yuzine Esa
Pemeriksa Kira-Kira Kehormat II